

Pengetahuan Mahasiswa Tentang Perundangan Dalam Keganasan Rumah Tangga
(Knowledge of Domestic Violence Legislative amongst University Students)

NUR SAADAH MOHAMAD AUN* & NUR SHUHADA MOHD MUSTAFFARIZAN

ABSTRAK

Keluarga merupakan institusi penting dalam masyarakat. Keluarga berperanan dalam membentuk peribadi anak-anak bermula dari zaman kanak-kanak. Namun begitu, kepincangan institusi kekeluargaan dalam kalangan masyarakat semakin meruncing dan salah satu puncanya adalah disebabkan oleh keganasan rumah tangga. Keganasan rumah tangga meningkat saban tahun kerana kurangnya pendedahan masyarakat terhadap hak yang boleh di perjuangkan jika seseorang itu mengalami keganasan rumah tangga. Kajian ini mengkaji pemahaman mahasiswa tentang keganasan rumah tangga dan meneroka pengetahuan mahasiswa tentang peranan perundangan dalam keganasan rumah tangga. Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dan memilih lima orang informan dalam kalangan mahasiswa Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai sumber pengetahuan tentang perundangan dalam keganasan rumah tangga, antaranya ialah melalui pembelajaran dan pembacaan. Mahasiswa juga tahu tentang peranan Akta Keganasan Rumah Tangga, kesan yang berlaku apabila terjadinya keganasan rumah tangga dan tindakan yang boleh diambil oleh mangsa keganasan rumah tangga. Sebagai masyarakat kita perlu berperanan menyebarkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan ahli masyarakat lain untuk bersama-sama menangani kes keganasan rumah tangga.

Kata kunci: Perundangan, Pengetahuan, Keganasan Rumah Tangga, Mahasiswa

ABSTRACT

Family is the most important institution in the society. A family plays a role in shaping personality of children since childhood. However, dysfunctional family is increasing and one of the reasons is domestic violence. Domestic violence keeps increasing every year due to society's lack of exposure on their rights assuming they fall into victim of this problem. This research focused on students' understanding on laws in domestic violence. Five informants were selected amongst students from Faculty of Law, National University of Malaysia by implementing qualitative research. Research found that there were various sources of knowledge on law and domestic violence, included learning and reading. The students also aware about domestic violence and actions needs to be done by victim. As a member of society, we have to take part in spreading awareness and understanding among other members of society in tackle domestic violence cases.

Keywords: Legislative, Knowledge, Domestic Violence, University Students

PENGENALAN

Pengetahuan dan Keganasan Rumahtangga

Nor Aini (2006) menyatakan dalam kajiannya bahawa pentingnya menyebarkan kesedaran dan pengetahuan tentang undang-undang keganasan rumah tangga kepada orang ramai. Hal ini perlu kerana ramai dalam kalangan masyarakat melihat keganasan rumah tangga bukan sebagai suatu kesalahan jenayah. Mereka beranggapan bahawa keganasan rumah tangga hanyalah satu isu keluarga semata-mata. Persepsi yang sama ini juga turut ada dengan agensi-agensi yang terlibat dalam mengimplimentasikan undang-undang untuk melindungi mangsa. Mereka tidak melihat keganasan rumah tangga sebagai suatu jenayah yang memerlukan tindakan yang segera dan tegas. Norasikin (1999) telah menjalankan kajian terhadap 370 wanita yang menggunakan perkhidmatan Jabatan Pesakit Luar Hospital Pontian. Kajian yang dilakukan ialah kajian kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik mengandungi faktor demografi, sosioekonomi, sejarah reproduktif serta pengetahuan, sikap dan amalan dalam kalangan informan. Dalam kajian ini didapati bahawa umur semasa berkahwin kurang daripada 20 tahun tiada sokongan moral dari suami dan keluarga serta pengetahuan yang rendah mengenai keganasan rumahtangga.

Najibah (1995) menyatakan bahawa kefahaman berhubung hak dan undang-undang berkaitan Akta Keganasan Rumahtangga merupakan satu keperluan khususnya para wanita kerana tanpa menyedarinya seseorang itu mudah di ketepikan. Ini kerana kebanyakan kes yang melibatkan kaum wanita seperti perkahwinan, perceraian dan penganiayaan adalah berpunca daripada kurangnya pengetahuan tentang hak sebenar mereka. Perkara tersebut dijelaskan oleh Dr. Zaleha Kamaruddin bahawa statistik menunjukkan kebanyakan kes yang melibatkan jenayah terhadap kaum wanita tidak dilaporkan kerana sikap malu yang keterlaluan serta ramai wanita yang masih samar-samar di antara hak dan tanggungjawab mereka.

Noor Aziah (2012) menyatakan secara amnya wanita masih kurang pengetahuan mengenai haknya di sisi undang-undang. Ramai wanita mengalami masalah di tempat kerja, di rumah dengan keluarga atau suami dan juga dengan jiran tetangga tetapi kebanyakan masalah ini dibiarkan berlarutan atau dipendamkan begitu sahaja. Kebanyakan wanita kerana sifat kewanitaannya, lebih sanggup menanggung derita dari membuka pekung di dada. Berbeza pula di luar negara seperti kajian oleh Lewis et al (2000) di Scotland mengenai keganasan rumah tangga. Hasil kajian menunjukkan

bahawa wanita yang terlibat dalam keganasan rumah tangga, menjadikan undang-undang sebagai simbolik serta bahan campur tangan untuk mengawal keganasan yang berlaku, melindungi diri mereka dan keselamatan anak-anak mereka. Nancarrow, Hanley dan Viljoen, (2012) menyatakan bahawa kesedaran dan pengetahuan terhadap keganasan rumah tangga juga berbeza-beza mengikut jantina. Kebanyakan wanita kurang pengetahuan mengenai keganasan rumah tangga dan lalai dalam pelbagai jenis pengetahuan. Pengetahuan mengenai keganasan rumah tangga juga bergantung kepada tahap pendidikan seseorang itu.

Justeru, kajian ini dijalankan terhadap mahasiswa sebagai kelompok awal kajian bagi mengkaji pemahaman mahasiswa tentang keganasan rumah tangga dan meneroka pengetahuan mahasiswa tentang peranan perundangan dalam keganasan rumah tangga.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memilih menggunakan reka bentuk kajian kualitatif bagi meneroka pengetahuan mahasiswa tentang perundangan dalam keganasan rumah tangga. Teknik kajian yang digunakan pula adalah kajian kes. Hal ini kerana teknik kajian kes adalah suatu bentuk penyelidikan yang melibatkan kajian tentang isu yang perlu diterokai sama ada melibatkan satu atau lebih kes berdasarkan kepada sistem, limitasi dan konteks bagi kes yang hendak dikaji (Creswell 2007). Pengkaji menggunakan jenis temu bual separa berstruktur. Menurut Merriem (1998) temu bual separa berstruktur bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan informan menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik. Pengkaji juga bertanya soalan kepada informan mengikut kesesuaian maklum balas yang diberikan. Informan kajian terdiri daripada lima orang mahasiswa dari Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia yang dipilih secara teknik pensampelan bertujuan.

Pengkaji membina panduan temu bual yang menjadi panduan kepada pengkaji semasa menjalankan temu bual bersama informan. Pembentukan soalan temu bual ini diolah berdasarkan kajian-kajian lepas. Di samping itu, rujukan ini dilakukan bagi memastikan soalan yang dibentuk bersesuaian dan selari dengan objektif kajian. Pengkaji menggunakan perkataan, istilah dan frasa yang difahami oleh informan. Dengan itu, sebelum ke lapangan pengkaji akan menyediakan 10 item soalan terbuka sebagai panduan temu bual.

Kesahan dan kebolehpercayaan kajian dilakukan untuk menunjukkan sejauh mana kajian yang diterokai itu tepat dan mantap. Menurut Kamarul Azmi (2012), ciri utama bagi menentukan kesesuaian sesuatu instrument ialah kesahan dan kebolehpercayaan. Di samping itu, bagi kajian kualitatif pengkaji membuat kesahan selepas kajian bermula dengan menggunakan bukti dan maklumat yang dikumpul semasa kajian (Othman 2015). Kesahan dan kebolehpercayaan kajian telah dilakukan dengan menggunakan teknik peer debriefing. Peer debriefing menambahkan kredibiliti kajian dengan semakan yang dibuat oleh individu yang dalam bidang yang sama supaya dapat mengurangkan bias dalam kajian yang tidak disedari pengkaji (Golafshani 2003; Noble dan Smith 2015).

Seterusnya, dalam kajian kualitatif kebolehpercayaan pula berkait dengan soal kebolehsandaran dan ketekalan keputusan dan hasil data yang dikumpulkan oleh pengkaji (Othman 2015). Bagi mendapatkan keputusan kajian yang tekal, pengkaji menggunakan pelbagai metod dan teknik dalam mengumpulkan data. Apabila pengkaji menjalankan temu bual, secara tidak langsung pengkaji melakukan pemerhatian juga ke atas informan. Perkara ini penting dalam memastikan reaksi informan kongruen dengan tingkah laku bukan lisan yang ditunjukkan. Proses menganalisis data adalah penting untuk memperlihatkan hasil kajian yang dilakukan. Setiap perbualan bersama informan terlibat disimpan sebagai bukti dalam

menghasilkan kajian. Pengkaji rangka dan menyusun semua maklumat yang disampaikan oleh informan. Perkara ini dilakukan adalah untuk memperihalkan apa yang berlaku (Othman 2015). Bagi memerihalkan juga apa yang berlaku, pengkaji menggunakan kaedah teks transkrip untuk memaparkan semula hasil temu bual yang dilakukan. Selain itu, teks transkrip dihasilkan melalui verbatim. Daripada transkrip tersebut, pengkaji mengenal pasti tema besar dan tema kecil dapatan kajian. Selain itu, pengkaji meneliti setiap jawapan yang diperoleh secara berterusan sehingga data tersebut mencapai ketepuan. Akhir sekali, pengkaji menganalisis data yang diperoleh tersebut menggunakan analisis tematik secara manual. Dengan itu, persamaan dan perbezaan tema dapat diketahui.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Data Profil Informan

Majoriti informan yang ditemu bual adalah daripada kaum perempuan dan dua orang informan adalah lelaki. Selain itu, rata-rata umur informan adalah dalam lingkungan umur 23 hingga 25 tahun. Melalui Jadual 1 juga, didapati bahawa majoriti informan telah pun mempelajari undang-undang keluarga sekurang-kurangnya selama 3 tahun pengajian berdasarkan tahun pengajian.

JADUAL 1. Profil Informan

Informan	Jantina	Umur (Tahun)	Tahun Pengajian
1	Perempuan	24	4
2	Perempuan	23	3
3	Perempuan	23	3
4	Lelaki	24	4
5	Lelaki	25	4

Sumber Pengetahuan

Hasil analisis temu bual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kesemua informan tahu berkaitan perundangan dalam keganasan rumah tangga. Antara cara mengetahui tentang perundangan dalam keganasan rumah tangga oleh informan ialah melalui pembelajaran dalam kelas kerana rata-rata mereka telah mempelajari undang-undang keluarga.

“...erm. saya ada belajar sikit pasal undang-undang keluarga. aa. jadi dari situ ada la sikit mengenai Akta Keganasan Rumah Tangga.. tapi tak detail lah.. yang asas je.. macam jenayah domestik.. Maksudnya dia tak fokus pada akta keganasan rumah tangga.. dia cuma akta jenayah.. sebab tak belajar spesifik tentang keganasan rumah tangga...”

(Informan 1)

“...emmm.. Saya ada belajar undang-undang keluarga.. jadi tahu sikit-sikit yang asas tu je.. macam tujuan akta

keganasan rumah tangga. Siapa mangsa keganasan rumah tangga.. contoh isteri, suami.. err.. anak-anak...”

(Informan 2)

“...oo.. saya tahu sebabnya saya belajar dalam kelas.. aa.. sebab lecturer ada terangkan mengenai akta keganasan rumah tangga ni...”

(Informan 3)

“...aaa.. saya dapat tahu pun melalui pembelajaran dalam kelas.. tapi yang asas la...”

(Informan 4)

“...ha.. saya tahu ni sebab saya belajar dalam kelas...”

(Informan 5)

Pengkaji mendapati bahawa tiga di antara mereka juga telah menambah pengetahuan tentang perundangan keganasan rumah tangga melalui pembacaan di media.

“...saya jugak ada saya ambil ni daripada.. aaa.. iklan di televisyen. Maksudnya dari media la. Jadi, saya tahu la apa benda akta keganasan rumah tangga ni...”

(Informan 3).

“...melalui pembacaan la.. sebab sejak akhir-akhir ni banyak sangat kes keganasan rumah tangga yang tular di media sosial.. jadi saya ingin mengetahui lebih mendalam tentang akta keganasan ni.. aa.. saya selalu baca di carian internet...”

(Informan 4)

“...sekarang ni zaman moden kan.. semua dihujung jari.. jadi banyak juga pembacaan saya di media...”

(Informan 5)

Pengkaji mendapati majoriti informan mengetahui tentang perundangan dalam keganasan rumah tangga secara asas. Pengkaji juga mendapati rata-rata mahasiswa mencari alternatif lain bagi menambah pengetahuan tentang perundangan dalam keganasan rumah tangga. Menurut teori pembelajaran Ausubel yang mengatakan manusia memperoleh ilmu kebanyakannya dalam bentuk pembelajaran resepsi dan bukan daripada pembelajaran penemuan atau dikenali sebagai Model Pembelajaran Ekspositori. Model Pembelajaran Ekspositori yang dikemukakan oleh beliau menekankan penerangan bahan pembelajaran oleh guru dalam bentuk fakta yang tersusun dan dijelaskan menurut urutan serta fakta yang lengkap. Resepsi bermaksud penerimaan maklumat oleh murid-murid apabila guru mengemukakan isi kandungan pelajaran secara eksplisit, langsung, lengkap dan tersusun. Secara keseluruhannya, mahasiswa mengetahui tentang perundangan dalam keganasan rumahtangga walaupun mereka hanya belajar di dalam kelas. Pengkaji mendapati, kajian ini bertepatan dengan teori pembelajaran Ausubel yang mana seorang

manusia memperoleh ilmu dalam bentuk pembelajaran resepsi.

Peranan Akta Keganasan Rumah Tangga

Melalui temu bual yang dijalankan terhadap lima orang informan, kesemua mereka menyatakan peranan akta keganasan rumah tangga. Melalui peranan tersebut, pengkaji dapat mengklasifikasikan dua tema kecil yang sesuai berdasarkan jawapan yang diberikan; melindungi mangsa dan peranan mahkamah untuk menetapkan hukuman.

Informan 3 menyatakan peranan akta keganasan rumah tangga adalah untuk melindungi dan mendapatkan perlindungan buat mangsa “...aa.. peranan dia... aaa.. adalah untuk melindungi..aaa.. mangsa tersebut dan juga untuk dapatkan perlindungan dan.. lepas tu.. aa.. yelah untuk avoid dari si pelaku daripada terus menyerang mangsa...” (Informan 3).

Informan 1 menyatakan peranan akta keganasan rumah tangga ialah memberi perlindungan kepada mangsa. Mangsa yang dinyatakan oleh beliau ialah isteri, suami, kanak-kanak ataupun orang dewasa yang tidak berkeupayaan. Informan juga menyatakan bahawa peranan akta ini sebagai satu panduan untuk mangsa.

“...akta keganasan rumah tangga ni adalah untuk memberi perlindungan kepada mangsa-mangsa keganasan rumahtangga.. mangsa dalam akta ini termasuklah isteri atau suami.. kanak-kanak ataupun orang dewasa yang tidak berkeupayaan.. dan selain itu, ia juga boleh dijadikan sebagai guideline la.. kepada mangsa untuk membuat tindakan selanjutnya...”

(Informan 1)

Hasil temu bual bersama informan 4 menyatakan peranan akta keganasan rumah tangga ialah panduan untuk mangsa keganasan rumah tangga “...aa.. peranan akta ni.. aa.. bagi saya la.. saya rasa dia sebagai panduan untuk mangsa untuk membuat apa selepas terjadinya keganasan rumahtangga terhadap dirinya...”

Tiga informan yang ditemu bual menyatakan bahawa peranan Akta Keganasan Rumah Tangga adalah melindungi dan memberi perlindungan juga satu panduan untuk mangsa melakukan tindakan seterusnya. Perkara ini selari dengan tujuan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521). Tujuan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) adalah untuk melindungi mangsa penderaan dan penganiayaan di kalangan ahli keluarga yang tinggal serumah. Ia juga diguna pakai oleh semua rakyat Malaysia tanpa mengira agama, bangsa, jantina, keturunan dan tempat

tinggal. Selain itu, ia sebagai instrumen untuk mangsa mendapatkan perlindungan.

Bagi informan 2 dan informan 5, mereka menyatakan bahawa Akta Keganasan Rumah Tangga ialah panduan untuk mahkamah menetapkan hukuman. Informan 2 menjelaskan bahawa peranan akta keganasan rumah tangga ialah memberi keadilan kepada mangsa dan rujukan kepada mahkamah apabila pendakwaan berlaku. Manakala bagi informan 5 menyatakan satu panduan untuk pihak mahkamah dan pihak bertanggungjawab. Perkara ini selari dengan penggunaan Akta Keganasan Rumah tangga 1994 (Akta 521), Perkara 8 Perlembagaan Malaysia iaitu kesaksamaan undang-undang dan tafsiran 'mahkamah' dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) ialah berkenaan dengan prosiding jenayah yang melibatkan pengatahan keganasan rumahtangga:

"...aa.. peranan akta ialah untuk.. aaa... memberi.. aa.. keadilan kepada mangsa apabila berlaku keganasan rumahtangga.. apabila pendakwaan berlaku di mahkamah.. boleh lah rujuk pada akta tersebut..."

(Informan 2).

"...erm.. peranan utamanya ialah beri perlindungan la macam saya cakap tadi.. selain itu.. nama pun akta kan.. akta ni adalah satu panduan untuk mahkamah atau pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk di jadikan sebagai satu rujukan apabila menerima kes yang berkaitan.."

(Informan 5)

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan kesemua informan mengetahui apa itu peranan akta keganasan rumah tangga. Sebagai mahasiswa dan masyarakat kita juga perlu berperanan menyebarkan kesedaran dan kefahaman di kalangan ahli masyarakat lain untuk bersama-sama menangani kes keganasan rumah tangga. Berdasarkan pemerhatian, kebanyakan mangsa yang terlibat dalam kes Keganasan Rumah Tangga tidak mengetahui kepada siapa yang boleh mereka mengadu dan tidak mengetahui bentuk bantuan dan perlindungan yang disediakan. Sekiranya mengetahui pun, prosedur bantuan perlu diberikan dengan jelas seperti perkhidmatan kaunseling agar proses memberi bantuan dapat berjalan dengan baik dan terdapatnya kerjasama antara klien dengan kaunselor (Mariny, Sabasiah & Azizul 2016).

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui pengetahuan mahasiswa Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia tentang perundangan

dalam keganasan rumahtangga. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui peranan mahasiswa terhadap perundangan dalam keganasan rumahtangga. Melalui temu bual yang dilakukan oleh pengkaji terhadap mahasiswa, pengkaji dapat mengetahui tahap pengetahuan dan peranan mereka terhadap perundangan dalam keganasan rumahtangga. Mahasiswa yang ditemu bual juga mampu mengemukakan beberapa pengetahuan dan pemahaman terhadap perundangan dalam keganasan rumahtangga.

Kajian mendapati bahawa informan mempunyai sumber pengetahuan tentang perundangan dalam keganasan rumah tangga melalui pembelajaran di dalam kelas. Rata-rata informan hanya mengetahui secara asas mengenainya sebagai contoh definisi keganasan rumah tangga dan kegunaan akta. Beberapa informan lain juga turut menambah sumber pengetahuan mereka melalui pembacaan di media massa dan carian di internet kerana mereka berminat untuk tahu lebih lanjut mengenai akta keganasan rumah tangga. Jadi, pengkaji berharap bahawa kajian ini memberi implikasi yang positif dalam memberikan pendedahan tentang perundangan dalam keganasan rumah tangga kepada mahasiswa mahupun masyarakat.

Dokumentasi kajian ini diharap dapat dijadikan rujukan untuk masyarakat dalam meningkatkan lagi pengetahuan tentang perundangan dalam keganasan rumah tangga. Melalui kajian ini juga, pengkaji berharap ia dapat dijadikan pencetus kepada pihak berkepentingan seperti badan mahasiswa universiti, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Wanita dalam mencari jalan yang terbaik untuk meningkatkan pengetahuan mereka. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membuka mata semua pihak seperti agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, para akademik dan pengamal undang-undang yang mana pengetahuan dan pemahaman tentang perundangan dalam keganasan rumah tangga ini sebenarnya amat penting dalam kehidupan masyarakat yang kian mencabar.

RUJUKAN

- Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, Undang-Undang Malaysia, Akta 521
- Creswell, J.W. 2007. *Qualitative Inquiry & Research Design Choosing Among Five Approches*. University of Nebraska Lincoln: Sage Publications India Pvt. Ltd.
- Golafshani, N. 2003. *Understanding Reliability and Validity in Qualitative Research*. *The Qualitative Report*, 8(4), 597–607. doi:citeulike-article-id:6496761
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Kertas Kerja

- Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1. Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim Johor Darul Ta'zim, 28-29
- Mariny Abdul Ghani, Sabasiah Husin dan Azizul Mohamad. 2016. Isu Keganasan Rumah Tangga: Keberkesanan Perkhidmatan Kaunseling Berdasarkan Perspektif Klien Wanita Mangsa Penderaan. *Jurnal Kemanusiaan* 25 (2), 1-9.
- Merriem, S.B. 1998. "Qualitative Research and Case Study Applications in Education." (2nd ed.) San Francisco: Jossey-Bass
- Najibah Hassan, "Wanita Perlu Tahu Hak Mereka", *Utusan Malaysia*, 16 Disember 1995.
- Nancarrow, H., Hanley, C. & Viljoen, R. 2012. Domestic and family violence: awareness, attitudes and experiences.
- Noble, H. & Smith, J. 2015. Issues of validity and reliability in qualitative research. *Evidence-Based Nursing*, 18(2), 34-35. doi:10.1136/eb-2015-102054
- Nor Aini Abdullah. 2006. Peranan Undang-Undang Keluarga Ke Arah Pencegahan Keganasan Rumah Tangga: Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. *Fakulti Undang-Undang: Universiti Malaya*.
- Norasikin M. 1999. Keganasan Rumahtangga Terhadap Wanita: Prevalen Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhinya Di Kalangan Wanita Di Jabatan Pesakit Luar. *Malaysian Journal of Public Health Medicine* 2002, Vol. 2(1): 58-64.
- Noor Aziah Haji Mohd Awal, "Pembelaan Hak Wanita Melalui Undang-undang di Malaysia, slide wacana Hadhari Siri Keempat" <http://www.ukm.my/hadhari/sites>. [4 Januari 2017].
- Othman Lebar. 2015. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nur Saadah Mohamad Aun* & Nur Shuhada Mohd Mustaffarizan
 Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat,
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: n_saadah@ukm.edu.my

Diserahkan: 20 September 2018
 Diterima: 22 November 2018